

**BERITA RTM | Khamis, 16 April 2015**

## **BERITA RTM**

### **KLCC Stapled Rancang Beli Aset Daripada KLCC Holdings**

Created On Khamis, 16 April 2015 16:48



**Kuala Lumpur** - KLCC Stapled Group yang merangkumi KLCC Property Holdings Bhd dan KLCC Real Estate Investment Trust, merancang untuk membeli dua aset bernilai berbilion ringgit daripada syarikat induk, KLCC Holdings Sdn Bhd, dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Kedua-dua hartanah itu adalah projek pembangunan bercampur di Lot 185 dan Lot 91 di atas tanah masing-masing lebih 4.5 juta kaki persegi dan 1.5 juta kaki persegi.

"Kami bukan sahaja berminat kepada projek itu tetapi mempunyai hak pertama untuk menolak hartanah terbabit serta mana-mana projek pembangunan dimiliki KLCC Holdings," kata Ketua Pegawai Eksekutif KLCC Stapled Group, Datuk Hashim Wahir kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan di sini, hari ini.

Hartanah di Lot 185 adalah usaha sama 50:50 dengan Qatari Diar REIT, yang dirancang mempunyai pembangunan bercampur menara pejabat 56 tingkat dan 77 tingkat serta Fairmont Raffles Hotels International 700 bilik.

Hashim enggan mendedahkan nilai pembangunan kasar untuk projek di Lot 185 tetapi berkata, ia adalah projek berbilion ringgit yang dijangka siap pada 2020.